

06/03/2000

Kesedaran masa depan perlu dititikberatkan

Anak Wawasan

TAHUN 2000 dan alaf baru disambut seolah-olah kita memasuki kawasan baru yang belum diterokai untuk dijadikan sebuah penempatan yang mungkin boleh menjamin dan menjanjikan sebuah keharmonian. Tetapi itu masih diragui dan belum pasti. Ini kerana segala apa yang berlaku dan akan berlaku adalah dinilai sejauh mana usaha kita untuk mencapainya. Jika hanya kata-kata dan angan-angan, tidak mungkin kita akan dapat melihat setiap sesuatu yang kita gilakan.

Di sini seluruh masyarakat Malaysia perlulah menanam sikap berwaspada dan berhati-hati setiap langkah yang diambil agar kita tidak menerima padah yang buruk. Kita perlu mengkaji kesan pelbagai segi untuk masa depan. Bukan hanya untuk hari esok dan lusa, tetapi untuk dirasai oleh generasi akan datang.

Kemasukan tahun 2000, menandakan kita begitu hampir kepada matlamat iaitu mencapai Wawasan 2020. Dalam kiraan, hanya tinggal 20 tahun dari sekarang bagi kita bersedia sepenuhnya. Masa itu amat singkat sekali. Masih banyak lagi perkara yang termaktub dalam matlamat Wawasan 2020 belum kita kotakan. Oleh itu, kesedaran pada hari ini perlu untuk kita bangkit dan bersedia memperlengkapkan diri menuju ke sana. Persediaan awal adalah penting untuk kita supaya tidak berlaku huru-hara dan kacau-bilau pada hari itu yang mana kita sepatutnya bergembira merayakan kejayaan Wawasan 2020.

Ucapan sambutan tahun dan alaf baru oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu peringatan amat penting yang kita perlu ambil berat supaya hidup kita di alaf baru selesa dan selamat. Memanglah nyata dan benar apa yang beliau katakan. Kuasa-kuasa besar di Barat tidak akan berdiam diri apabila melihat ada negara kecil cuba bangkit untuk menandingi mereka. Begitulah bagaikan harimau melihat mangsanya, mereka akan sedaya upaya berusaha untuk menjatuhkan negara-negara kecil itu dengan pelbagai kaedah dan cara yang kita mungkin tidak sedar sama sekali.

Dalam al-Quran, Allah S.W.T. ada berfirman maksudnya, "Tidak akan sama sekali orang Yahudi dan Nasrani itu berasa redha terhadap kamu (orang Islam) selagi kamu tidak menuruti dan tunduk kepada agama (dan perintah) mereka." Jelaslah di sini orang Barat tidak akan memberi secebis pun rasa simpati dan pertolongan yang seikhlasnya kepada kita melainkan ada tersirat di dalam pertolongan itu sebuah muslihat dan tipu daya. Lihatlah bagaimana mereka menipu kita dan negara-negara Asia lain ketika kegawatan ekonomi melanda, mereka cuba menghulurkan bantuan dari Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Nasib kita baik kerana pemimpin kita bijak.

Seperkara lagi yang perlu kita tekankan ialah mengenai prestasi pendidikan generasi muda kita pada alaf baru ini. Pada 30 Disember 1999 lalu, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah mengumumkan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi 1999. Kita dapati ia cukup mengecewakan. Ini menunjukkan generasi muda hari ini amat kurang mengambil perhatian yang serius terhadap pendidikan.

Kebanyakan mereka begitu leka dan khayal dengan dunia mereka yang masih segar dan mereka lupa dengan dunia mereka pada masa akan datang. Siapakah yang sepatutnya menyedarkan mereka dari mimpi itu? Sememangnya adalah tanggungjawab generasi tua dan lebih utama adalah ibu bapa. Perhatian dan kawalan dari ibu bapa terhadap anak-anak mereka amat penting daripada nilai wang ringgit yang boleh dicari dan diperoleh pada bila-bila masa.

Tetapi, jika generasi muda kita yang bakal menjadi pemimpin negara pada

masa akan datang nanti binasa dan hilang, maka sukar dan mustahil untuk kita mencari pengganti.

Perlunya pendidikan untuk mereka adalah untuk membuka minda dan mata mereka agar dapat melihat dunia dengan lebih luas. Bukan hanya pada satu arah yang pada akhirnya membolehkan mereka sesat dan jatuh tersungkur. Begitu juga penerapan ajaran Islam dalam diri mereka amat penting sekali. Tiada agama atau pegangan yang betul untuk hidup, maka hancurlah diri seseorang itu dan juga sesebuah negara.

Apabila kita membuat andaian secara kasar, boleh kita anggarkan pada masa ini hampir 60 hingga 70 peratus generasi muda kita lebih cenderung memasuki alam kerja daripada pendidikan. Kebanyakan mereka adalah lepasan PMR atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka mencari wang saku bukan untuk pelaburan masa depan tetapi untuk bersuka ria di pusat hiburan dan membazir dengan apa saja mereka inginkan. Yang lebih sedih lagi, jika kita dapati mereka melakukan perkara yang bercanggah dengan undang-undang negara dan agama.

Jika andaian itu sah, bermakna 20 tahun akan datang generasi muda yang menjadi pemimpin pada masa itu adalah daripada golongan mereka yang jahil dan kurang arif mengurus negara. Apa yang mereka tahu adalah mencari keuntungan dan kekayaan untuk diri sendiri dan berfoya-foya, tanpa mengikut undang-undang. Ini menandakan negara kita sedang mengundang bencana dan malapetaka yang amat dahsyat.

Apakah kita ingin negara kita mengalami sedemikian? Penjajah dengan mudah kembali menakluki negara dan memperlakukan seperti mana pada alaf sebelumnya.

Rasulullah pernah mengingatkan umat Islam dengan sabdanya bermaksud: "Pada akhir zaman nanti, kalangan mereka yang memerintah sesebuah negara (dan memimpin sesebuah umat) adalah daripada golongan mereka yang jahil." Apakah pada alaf baru ini, menyatakan kepada kita bahawa zaman akan berakhir dan menemui penghujung jalan bagi pengembaraan hidup ini? Jawapannya adalah terletak pada tangan kita.

Peristiwa yang berlaku di Dewan Rakyat baru-baru ini, kes pemimpin yang dilantik oleh rakyat untuk mewakili mereka dan mengamanahkan seikhlas supaya membela nasib mereka, melakukan satu perkara yang amat mengecewakan.

Ada pemimpin yang berfoya-foya di ruang legar dan ada pula yang membuat kacau. Di manakah letaknya tanggungjawab dan kewibawaan mereka? Adakah pada percakapan dan janji manis semata-mata atau pada perbuatan?

Di sinilah dapat kita nilai sejauh mana tahap pendidikan dan kebijaksanaan seorang pemimpin untuk menerajui negara. Jika perkara yang remeh diabaikan, apa pula yang akan terjadi jika perkara besar dan penting ingin dilaksanakan.

Kesedaran terhadap tanggungjawab setiap individu sama ada pemimpin atau rakyat di Malaysia adalah amat dititikberatkan. Agar kita dapat memelihara keharmonian bermasyarakat, kedaulatan undang-undang dan kemerdekaan sebuah negara. Kita juga perlu bersatu memastikan ekonomi negara terus berkembang untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat terutama yang miskin dan kurang upaya.

Marilah kita bersama-sama berganding bahu mendokong Wawasan 2020 dan melaksanakan undang-undang negara dengan adil dan saksama sehingga tercapai matlamat kita pada 2020 nanti. Bebaskanlah Malaysia dan rakyatnya dari penjajahan dan kekacauan yang melenyapkan generasi akan datang.